

STRATEGI KOMUNIKASI UNTUK PEMBANGUNAN LESTARI : FORUM CSR, INDONESIA: SEBUAH KAJIAN PERSURATAN

Yani Hendrayani
Pusat Pengajian Ilmu Komunikasi,
Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik,
Universiti Pembangunan Nasional Veteran
yaniecaroline@gmail.com

Nor Hazlina Hashim
Pusat Pengajian Komunikasi,
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Pembangunan lestari adalah persoalan kompleks yang memerlukan sebuah kerjasama yang kuat antara syarikat kerajaan dan masyarakat dalam aktiviti perkongsian sosial. Forum CSR Daerah merupakan organisasi yang melaksanakan koordinasi program CSR dan program pembangunan yang berorientasikan pembangunan lestari. Namun terdapat jurang pengetahuan yang besar mengenai isu-isu kelestarian berdasarkan persepsi pengurus 'perniagaan bagi kes kelestarian demikian juga bagi pihak kerajaan. Sehingga dalam mencerminkan kekompleksan pembangunan lestari dipengaruhi oleh tekanan yang diterima, pengalaman dan pelbagai budaya yang berbeza.

Tulisan ini menghuraikan proses komunikasi dalam aktiviti perkongsian sosial antara syarikat, kerajaan dan masyarakat di Forum CSR, Indonesia untuk mengupas permasalahannya. Oleh kerana itu tulisan ini bertujuan mendeskripsikan 1) konseptualisasi komunikasi penyertaan dalam perkembangan komunikasi di era modern 2) cuba membangunkan strategi komunikasi dalam membina perkongsian trisektor dan menjadikan pembangunan lestari mudah didekati dan difahami.

Berdasarkan tinjauan literature menegaskan bahawa komunikasi dan dialog berketerusan menyumbang kepada kejayaan perkongsian tiga sektor pemegang taruh. Sehingga untuk mencipta visi bersama dan strategi bersama dalam menyelesaikan kebimbangan dari isu-isu yang melampaui skop pihak tertentu iaitu mengedapankan prinsip saling pengertian yang merupakan tujuan dari komunikasi penyertaan.

Pada akhir tulisan ini, penyelidik berharap untuk membangunkan strategi komunikasi serta mencadangkan komunikasi bermedia untuk menunjang dalam menyampaikan mesej yang tepat melalui beberapa platform yang tersedia oleh seluruh ahli Forum CSR Jawa Barat dalam proses penyertaan untuk mewujudkan pembangunan lestari di Indonesia.

Kata kunci: Pembangunan Lestari, CSR, Perkongsian sosial, Strategi Komunikasi

1. Pengenalan

Pembangunan yang lestari dan pemerhatian terhadap aspek sosio masyarakat tanpa kerosakan persekitaran kini telah disedari oleh banyak pihak. Hal tersebut sangat berkaitan dengan pergeseran pemahaman bahawa petunjuk kemajuan sesuatu bangsa ialah pembangunan lestari yang kini merupakan isu global dalam memainkan peranan politik antarabangsa selain isu-isu hak asasi manusia, demokrasi dan *good governance*. (Soubbotina, 2004).

Pembangunan lestari didefinisikan oleh *World Commission Economic Development* (WCED, 1987) dalam *Brundtland Report*, iaitu pembangunan yang memenuhi keperluan masa sekarang tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluannya.

Memahami pembangunan lestari adalah melibatkan satu dimensi masa iaitu kewujudan ancumannya ada pada masa jauh di depan, mungkin terlalu jauh untuk diiktiraf dengan betul. Walaupun ancaman boleh difahami, tetapi tidak boleh menyebabkan banyak kebimbangan dimasa sekarang seakan masih terdapat masa yang cukup untuk mencari penyelesaiannya (Bossel, 1999)

Dalam masa-masa lepas, kelestarian manusia telah diambil mudah dan tidak muncul sebagai matlamat yang jelas. Ia sudah tentu adalah satu matlamat tersirat tetapi masyarakat manusia tidak pernah sedar. Tetapi kini Perkembangan global menumpukan perhatian kepada kelestarian sebagai matlamat yang jelas.

Dalam pada itu menurut Bussel (1999); Godeman (2011) menjelaskan bahawa konsep Pembangunan Lestari pun masih datang dengan kekaburan dan ketidakpersisan sehingga perlu diterjemahkan ke dalam dimensi praktikal sebenar untuk menjadikannya lebih jelas dan dapat mengenali kehadiran atau ketiadaan kelestarian, serta ancaman kepada kelestarian. Maka diperlukan petunjuk yang betul untuk memberikan maklumat ini, agar dapat difahami dengan mudah untuk memberitahu di mana kita berdiri berkenaan dengan matlamat kelestarian.

Komunikasi mempunyai peranan utama untuk membina trend dan menjadikan pembangunan lestari di dekati dan mudah dipahami (UNEP, 2005). Artinya komunikasi bisa membuat pembangunan lestari menjadi suatu kenyataan.

Namun, langkah penting yang harus dilakukan sebelum membincangkan komunikasi untuk pembangunan lestari adalah menjelaskan kandungan dan konsep daripada pembangunan lestari. Hal ini diperlukan, kerana konsep pembangunan lestari walaupun selalu dikemukakan sebagai satu matlamat penting oleh kerajaan, syarikat, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan juga di persidangan kebangsaan dan antarabangsa, tetapi istilah ini disertakan oleh ketakpersisan dan kekaburan makna yang tidak komunikatif secara empiris. (Bossel, 1999 ; Albareda, et.al, 2008; Godemann dan Michelsen, 2011).

Dalam kajian Steiger dan rakan-rakan (2011) menjelaskan bahawa terdapat jurang pengetahuan yang besar mengenai isu-isu kelestarian berdasarkan kepada persepsi pengurus 'perniagaan bagi kes kelestarian demikianpun pihak

kerajaan. Sehingga dalam merefleksikan kompleksitas pembangunan lestari dipengaruhi oleh masing-masing tekanan yang diterima, pengalaman dan pelbagai budaya yang berbeza. (Bass, et. al, 1995).

Menurut Campbell (2012) fenomena agenda pembangunan lestari semakin dikaitkan dengan konsep tanggung jawab social korporat (*Corporate Social Responsibility-CSR*) yang telah mengisyaratkan adanya suatu visi iaitu aspek kelestarian ekonomi dan alam sekitar.

Berbagai upaya telah dilaksanakan pihak syarikat swasta melalui aktiviti CSR dalam meningkatkan peranan dalam pembangunan kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar. Namun semakin jelas bahawa tidak mungkin persoalan kompleks pembangunan lestari hanya diselesaikan oleh satu pihak sahaja kerana semakin jelas memerlukan sinergi yang mantap.

Sinergi yang diharapkan adalah melalui sebuah perkongsian antara syarikat, kerajaan dan masyarakat yang disebut perkongsian antara tiga pihak atau *Tri Partiet Partnership* (Bäckstrand, 2006; Tennyson, 2003) dan beberapa penyelidik menyebut perkongsian ini adalah perkongsian tiga sektor atau *trisector partnership* (Nelson dan Zadek, 2000; Selsky dan Parker, 2005).

Perkongsian yang dimaksud adalah perkongsian melalui program - program CSR dari prinsip pembangunan lestari dapat dilaksanakan secara serius dalam bentuk kerjasama sehingga menjadi kekuatan untuk mengatasi pelbagai persoalan negara: kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi kadar kemiskinan, kerana syarikat mempunyai potensi, kemampuan dan keistimewaan sendiri. Walaupun syarikat mempunyai kelebihan dan kekurangannya dan keadaan ini boleh menimbulkan keperluan dalam kerjasama yang strategik untuk menyokong pembangunan lestari (Reed dan Reed, 2009; Steger et al., 2009).

Namun pada masa yang sama, mewujudkan perkongsian ini memang bukanlah hal mudah Sukada et al. (2007). Perkongsian perlu berlandaskan kerjasama yang saling memahami kedudukan, tugas, fungsi dan struktur masing-masing (Tennyson, 1998). Oleh kerana itu, komitmen dan kerjasama yang padu dan harmoni diperlukan untuk mencapai tujuan pembangunan lestari.

Adapun menurut Ramirez dan Quarry (2010) menjelaskan bahawa komunikasi untuk pembangunan lestari mewujudkan hubungan yang melibatkan di antara semua pihak pemegang taruh; sehingga ianya perlu untuk mengembangkan pemahaman yang sama, bahasa, saluran untuk penyertaan komunikasi; dan untuk bertindak balas maklumat. Hal ini memerlukan proses sosial saling pengertian yang berkaitan dengan kedua-dua penyebab dari perkembangan ini dan kemungkinan pemecahannya. Oleh itu, kajian ini cuba meneroka serta mengenal pasti bahawa penggunaan komunikasi sangat penting bagi amalan perkongsian pemegang taruh agar dapat memahami CSR dan pembangunan lestari dengan baik

2. Konsep Pembangunan Lestari

Dua puluh tahun yang lalu, pembangunan lestari telah muncul menjadi salah satu yang paling menonjol dalam paradigma pembangunan dan kini pelbagai definisi daripada pembangunan lestari digunakan, walaupun frasa dan idea banyak berbeza makna yang boleh menimbulkan reaksi yang berbeza (Rondinelli,2000). Dari segi yang luas,konsep pembangunan lestari adalah suatu percubaan untuk menggabungkan kebimbangan yang meningkat tentang pelbagai isu alam sekitar dengan isu - isu sosio ekonomi (Kemp,2005).

Untuk membantu pemahaman dasar-dasar yang berbeza kajian ini menyajikan klasifikasi dan pemetaan aliran pemikiran yang berbeza terhadap pembangunan berdasarkan idea dan prinsip - prinsip dari pembangunan lestari .

Konsep pembangunan lestari adalah hasil kesedaran yang semakin meningkat dari link global antara masalah alam sekitar yang terus meningkat, masalah sosial ekonomi kaitan dengan kemiskinan dan ketimpangan dan kebimbangan tentang masa depan yang sihat bagi manusia Ia kuat mengaitkan persekitaran dan isu sosial ekonomi (Hopwood e.al , 2005) .

Sementara laporan Brundtland menyatakan idea-idea dalam suatu definisi yang terkenal iaitu "*Our Common Future*" (WCED,1987) mengakui pergantungan manusia terhadap alam sekitar untuk memenuhi keperluan dan kesejahteraan dalam arti yang lebih luas dari sekadar mengeksploitasi sumber ekologi dan ekonomi menjadi semakin terjalin secara global dan masyarakat yang bersarang dalam

Laporan itu menekankan bahawa umat manusia,yang ada dalam industri atau organisasi subsistem luar bandar, bergantung untuk keselamatan dan ada dasar pada alam sekitar, ekonomi dan kesejahteraan kita sekarang dan di masa depan adalah memerlukan persekitaran.Sehingga adanya keterkaitan antara faktor-faktor dan tujuan, pembangunan lestari pada dasarnya tentang integrasi berkesan sosial, ekonomi dan ekologi di mana pertimbangan di semua skala dari tempatan ke global dalam jangka panjang (Schnurr dan Holtz , 1998 dalam Kemp,2005) .

Sehingga definisi tersebut menekankan bahawa pembangunan lestari adalah suatu pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa mengurangkan kemampuan generasi mendatang. Selaras dengan definisi dari Bank Dunia (2003) menilai kelestarian iaitu kapasiti perlindungan dari ekosistem untuk mengasimilasi pembaziran agar tidak sampai berlebihan pada rata - rata generasi. Artinya bahawa adanya suatu usaha dari bekerjanya ekosistem untuk melicinkan pembaziran terhadap penggunaan sumber yang ada , dan penggunaan tersebut akan disesuaikan dengan kemampuan pada setiap generasi.

Pemikiran ini lebih didorong oleh adanya berbagai kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh percepatan pembangunan ekonomi, sehingga kegiatan organisasi supranasional seperti PBB dan Sidang Kemuncak seperti yang diadakan di Rio (1992) dan Johannesburg (2002) telah terkesan tegas dalam agenda dasar antarabangsa menjelaskan bahawa gagasan pembangunan manusia harus berdasarkan pada persekitaran, tidak hanya pada kriteria ekonomi konvensional tetapi juga pada sosial yang lebih luas dan keprihatinan terhadap alam sekitar. (Cambell,2011).

Dalam Persidangan tersebut melalui dewan komisen, *World Summit on Sustainable Development* meluluskan program pembangunan lestari yang merangkumi tiga pohon sekaligus yakni 1.Membasmi kemiskinan terutama bagi mereka yang berpendapat kurang dari satu dollar, menderita kelaparan, tidak mampu memperoleh pendidikan, kemudahan kesihatan, air minum bersih dan jasa tenaga.2.Merubah pola pengeluaran dan penggunaan yang tidak berterusan terutama di negara maju agar berhemat dan mengurangkan sumber alam, tenaga dan ruang tempat serta pembuangan sisa dan pencemaran.3.Melindungi dan menguruskan sumber - sumber alam sebagai penunjang sistem kehidupan serta persekitaran agar mampu menampung pembangunan secara berterusan .

Kelaziman agenda ini lebih luas pada dasar public yang menyatakan bahawa pembangunan lestari dengan wacana CSR telah menjadi fenomena yang memberi harga diskursif sebagai sumber daya pada syarikat (Levy dan Egan,2003 dalam Cambel 2011) . Sehingga pertemuan tersebut mengisyaratkan adanya suatu visi yang sama dalam dunia usaha yaitu adanya suatu kebersamaan peraturan bagi tahap kesejahteraan yang mengiringi dua aspek kelestarian ekonomi dan alam sekitar.

3. Implementasi CSR untuk Pembangunan Lestari

Pelbagai definisi tanggung jawab sosial (*social responsibility*), mengalami perkembangan dalam sejarah kewujudannya. Perkembangan konsep CSR di era tahun 1990 an hingga sekarang ditandai dengan adanya pemikiran dari *The World Commission on Environment and Development* pada tahun 1987 yang lebih dikenal dengan *The Brundtland Commission* dengan laporan bertajuk “*Our Common Future*” dengan memperkenalkan konsep pembangunan lestari.

Dilanjutkan dengan kejayaan besar dalam konteks CSR seterusnya dilakukan oleh John Elkington melalui konsep 3P (*Profit, People, dan Planet*) yang dituangkan dalam bukunya "*Cannibals with forks ,The tripple Bottom Line of Twentieth Century Business*" mencari model yang dapat mengukur aktivitas CSR yang dapat memberikan dampak terhadap masyarakat dan mampu meningkatkan kinerja kewangan syarikat sesuai harapan para *stakeholder* perusahaan.

Berikut beberapa definisi CSR yang merupakan penggabungan dari prinsip pembangunan lestari yang cukup berpengaruh dan sering disebut saat ini iaitu :

Jadual 1 : Definisi CSR berorientasi Pembangunan Lestari

Organisasi	Definisi
<i>World Bussiness Council for Suistanable Development (WBCSD) (2003)</i>	CSR adalah komitmen dari para pelaku perniagaan untuk berperilaku secara beretika dan memberikan sumbangan bagi pembangunan ekonomi, sementara pada saat yang sama meningkatkan kualiti hidup dari pekerja dan keluarganya demikian pula masyarakat tempatan dan masyarakat secara luas
Bank Dunia	Tanggung Jawab Sosial syarikat adalah istilah yang menggambarkan kewajipan syarikat untuk bertanggung jawab kepada seluruh pemangku kepentingan dalam semua operasi dan aktiviti. Tanggung jawab sosial syarikat mempertimbangkan lingkup penuh kesannya terhadap masyarakat dan alam sekitar ketika membuat keputusan , mengimbangkan keperluan pihak berkepentingan dengan keperluan mereka untuk membuat keuntungan
<i>The Green Paper</i>	Organisasi ini menilai bahawa syarikat yang bertanggung jawab secara sosial, bukan syarikat yang semata-mata memenuhi kewajiban yang dibebankan kepadanya menurut peraturan undang-undang melainkan syarikat yang melaksanakan pematuhan menerangi peruntukan undang-undang serta melakukan pelaburan lebih dalam bidang human capital, lingkungan hidup, dan hubungan dengan pemangku kepentingan.
Komisi Masyarakat Eropah (2002)	CSR adalah ; Prinsip umum dalam sebahagian besar definisi CSR adalah bahawa syarikat melaksanakan CSR di atas dan melebihi keperluan undang-undang dalam menangani masalah sosial dan persekitaran pemangku kepentingan.
Knight (2007)	CSR adalah payung dari istilah yang merangkumi pelbagai istilah Tanggung jawab sosial syarikat mendefinisikan dirinya sebagai sosial inklusif yang menyatakan kerangka acuan adalah masyarakat dan alam sekitar.
Johnson(2007)	CSR adalah integrasi idea - idea ini ke dalam pelbagai aspek pengurusan syarikat bertepatan dengan munculnya pemahaman baru dalam kalangan pemimpin-pemimpin syarikat iaitu adanya hubungan antara persekitaran, masyarakat dan operasi perniagaan serta potensi prestasi CSR untuk mempengaruhi keuntungan.

Sumber : Penyelidik

Adapun ISO 26000 merupakan pedoman bagi syarikat dalam menjalankan CSR. Dalam pada itu, konsep ISO 26000 yang dimaksudkan *social responsibility* adalah tanggungjawab syarikat atas impak dari pelbagai keputusan terhadap masyarakat dan alam sekitar melalui suatu perilaku yang terbuka dan beretika, yang; 1.selaras dengan

pembangunan lestari dan kesejahteraan masyarakat, 2. memerhatikan jangkaan para pemangku kepentingan, 3. tunduk kepada hukum yang berlaku dan konsisten dengan perilaku antarabangsa, 4. disepadukan ke dalam seluruh bahagian organisasi.

Adapun Konsep *CSR* dalam orientasi pembangunan lestari mengutip pada konsep Bank Dunia memiliki kemiripan dengan Standar ISO 26.000 yang menegaskan bahawa Tanggung Jawab Sosial Korporat adalah istilah yang menggambarkan kewajiban syarikat untuk bertanggung jawab kepada seluruh *stakeholder* dalam semua operasi dan aktiviti. Tanggung jawab sosial syarikat harus selaras dengan pembangunan lestari, iaitu mempertimbangkan lingkup penuh kesannya terhadap masyarakat dan alam sekitar ketika membuat keputusan, mengimbangkan keperluan *stakeholder* dengan keperluan mereka untuk membuat keuntungan.

Sehingga melalui fenomena Forum *CSR* diharapkan dapat menjadi media syarikat untuk mewujudkan *CSR* dalam semua operasi dan aktiviti dengan mengimbangkan keperluan pihak *stakeholder* yang berorientasikan kepada pembangunan lestari.

4. Forum *CSR* :Perkongsiian Trisektor *Stakeholder* dalam *CSR* untuk Pembangunan Lestari

Perkongsiian tiga sektor ini didefinisikan oleh Nelson dan Zadek (2000) iaitu orang-orang dan organisasi dari beberapa kombinasi antara syarikat, kerajaan dan masyarakat yang terlibat dengan sukarela, saling menguntungkan, serta hubungan inovatif untuk mengatasi tujuan masyarakat umum melalui gabungan sumber daya mereka dan kompetensi .

Menurut Gonsalves *et al.*, (2005), setiap pemangku *stakeholder* pembangunan mempunyai sumber daya dan keperluan masing - masing yang perlu diwakili dalam proses pengambilan keputusan dalam kegiatan pembangunan. Dengan pemahaman di atas, tentu membuat keputusan tidak boleh dilakukan kumpulan tertentu, melainkan merupakan keputusan bersama atau secara kolektif.

Adapun Crosby (1992) membezakan *stakeholder* dalam pembangunan menjadi tiga kumpulan. Pertama *stakeholder utama*, yakni yang menerima kesan positif atau negatif dari suatu kegiatan iaitu rakyat. Kedua, *stakeholder penunjang* adalah yang menjadi perantara dalam membantu proses penyampaian aktiviti. Ketiga, *stakeholder kunci*, yakni yang berpengaruh kuat atau penting berkaitan dengan masalah, keperluan, dan perhatian terhadap kelancaran aktiviti

Dalam pada itu, masuknya *CSR* dalam konsep pembangunan lestari, akan membawa perubahan bagi syarikat, pihak *stakeholder* dan persekitaran. (Albareda *et al.*, 2008). Oleh itu, REVIT Bloefield revitalization melalui kajian yang berjudul *Working Towards More Effective And Sustainable : Stakeholder Engagement - A Toolkit* (2006) menegaskan bahawa keterlibatan *stakeholder* harus berada di jantung setiap agenda pembangunan lestari. Tanpa melibatkan *stakeholder* tidak akan ada perjanjian, kepemilikan atau dukungan untuk projek tertentu.

Hal ini sesuai dengan pendapat bahwa pendedahan maklumat kewangan, sosial dan alam sekitar merupakan dialog antara syarikat dengan pihak berkepentingan dan menyediakan maklumat tentang kegiatan syarikat yang boleh mengubah persepsi dan harapan, (Gray et al., 1995).

Menurut pandangan Claire Gray (2006) mengatakan bahawa penglibatan *stakeholder* adalah sebuah amalan penyertaan para *stakeholder* yang kini telah menjadi bahagian utama amalan bisnis. Hal ini digunakan sebagai satu cara untuk meningkatkan komunikasi, memperoleh sokongan masyarakat luas atau mengumpulkan data yang berguna, meningkatkan idea - idea sektor awam atau reputasi reputasi, dan menyediakan lebih banyak membuat keputusan yang berterusan

Usaha syarikat dalam peningkatan kesejahteraan sosial dan kelestarian lingkungan memerlukan sinergi melalui perkongsian *stakeholder*. Forum CSR merupakan organisasi yang terdiri dari kumpulan para *stakeholder* yang sering disebut tri sektor pembangunan iaitu syarikat, masyarakat dan kerajaan. Perkongsian ini diharapkan mampu menjadi solusi dari kasus keberlanjutan syarikat dan pembangunan lestari.

Namun Ananya Mukherjee Reed dan Darryl Reed (2009) menyatakan bahawa realiti perkongsian jauh lebih kompleks daripada hal yang sering digambarkan. Tidak hanya pelbagai jenis kegiatan dan rakan non-perniagaan terlibat, tetapi juga pelbagai jenis syarikat yang terlibat dalam perkongsian (termasuk ekonomi alternatif atau sosial syarikat) dan hubungan kuasa yang berbeza antaramitra untuk telah menyumbang terhadap pembangunan.

Menurut Gonsalves *et al.*, (2005), setiap pihak *stakeholder* pembangunan ini mempunyai sumber daya dan keperluan masing - masing yang perlu diwakili dalam proses pengambilan keputusan dalam kegiatan pembangunan. Dengan pemahaman di atas, tentu membuat keputusan tidak boleh dilakukan kumpulan tertentu, melainkan merupakan keputusan bersama atau secara kolektif.

Satu kategori lebih berguna untuk tujuan kita akan sejauh mana pelakon masyarakat (pihak *stakeholder*) dapat mempengaruhi dalam perkongsian dan memimpin mereka ke arah matlamat dan konsep mereka tentang pembangunan (Utting, 2005). Pembangunan mempunyai sasaran tunggal iaitu rakyat, dan hal yang ideal dalam penyusunan program pembangunan, pelaksanaan, monitoringnya serta evaluasinya melibatkan masyarakat atau rakyat.

Sehingga posisi kerajaan adalah sebagai *leader* dalam penyusunan program pembangunan sekaligus sebagai fasilitator sehingga dalam pelaksanaannya menempatkan kepentingan masyarakat pada kedudukan tertinggi.

Oleh sebab itu antara kerajaan dengan pihak *stakeholder* pembangunan harus terjalin sebuah hubungan yang harmonis, jujur dan telus agar satu dengan lain pihak saling percaya. Ini bermakna antara pihak *stakeholder* pembangunan harus terbangun suatu *link* atau hubungan harmonis agar segala keadaan yang dihadapi juga benar - benar dapat difahami bersama.

Dalam perspektif syarikat keterlibatan *stakeholder* dipahami sebagai praktik organisasi berusaha untuk melibatkan *stakeholder* dengan cara yang positif dalam kegiatan organisasi (Greenwood, 2007). Nampaknya jelas bahawa jika syarikat menunjukkan komitmen, melalui dasar dan amalan, penglibatan pihak berkepentingan bertindak secara bertanggungjawab terhadap pihak *stakeholder*.

Botan dan Hazelton (1989) dan Grunig (1992) menunjukkan nilai yang sedang berlangsung dalam keterlibatan pihak *stakeholder* melalui proses dialogis dan komunikasi dua arah berlangsung simetris untuk mengundang masukan dari *stakeholder* dalam pengambilan keputusan organisasi.

Memang ada bukti substansial dalam literatur *stakeholder* dan manajemen komunikasi untuk menunjukkan bahawa organisasi tercerahkan oleh proses dialog terus-menerus dengan para *stakeholder*. Oleh itu kinerja sosial dari setiap bisnis harus dinilai bukan oleh apa yang dilakukannya, tapi oleh sejauh mana ia memfasilitasi pihak yang berkepentingan dalam negosiasi yang dilakukannya (Post et al., 2002).

Selari dengan pendapat beberapa kajian yang telah mendapati korelasi yang jelas antara kualiti hubungan para *stakeholder* dan prestasi kewangan (Waddock dan Graves, 1997) nilai pelaburan jangka panjang yang berterusan dan reputasi syarikat (Dowling, 1994).

Sehingga syarikat perlu memberi perhatian kepada kepentingan para *stakeholder*, sekaligus melibatkan mereka dalam proses komunikasi. Masyarakat dan kerajaan sebagai pihak *stakeholder* dan sebagai khalayak sasaran akan lebih mudah memahami mesej dengan melibatkan mereka pada aktiviti CSR yang dilakukan. (CBSR, 2001).

Dalam perkongsian sosial ini tidak hanya mencakup wakil-wakil syarikat, kerajaan tetapi juga perwakilan dari masyarakat sipil iaitu organisasi bukan kerajaan (NGO), sektor sukarela dan kelompok masyarakat. Masing-masing sektor memiliki kelebihan dan kelemahan yang dapat saling bersinergi.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Steger et al. (2009) menjelaskan bahawa kelebihan sektor syarikat memiliki sumber daya keuangan yang cukup besar namun tidak berfungsi secara efisien. Adapun kelebihan daripada sektor publik memiliki aturan permainan tetapi dalam merumuskan dan mengimplementasikan aturan cenderung kaku akibat sistem birokrasi yang panjang, sehingga menghambat pada inovasi dan terobosan. Sedang kelebihan daripada sektor non profit mampu membangun kredibilitas substansial dan energi sukarela, namun mereka tidak memiliki keuangan dan pembiayaan.

Merealisasikan prinsip perkongsian tiga sektor adalah perkongsian paling popular atas hubungan dengan pihak pemegang taruh (*stakeholders engagement*) dalam perkongsian merentasi sektor untuk menangani isu-isu sosial (Googins dan Rochlin, 2000; Selsky dan Parker, 2005; Waddock dan Graves, 1997).

Hubungan yang terbinaa antara syarikat dan para *stakeholder* untuk saling mendengar, memahami kepentingan, juga harapan dan tuntutan dari dua pihak tersebut.

Meskipun kelompok perwakilan tiga sektor ini memiliki sifat yang sangat berbeza. Setiap sektor memiliki stakeholder utama, fokus, sumber daya dan kompetensi yang berbeza. Sehingga tahap penglibatan ketiga komponen ini akan dibahagikan ke dalam pelbagai variasi dan fungsi yang boleh menyebabkan adanya perbezaan kepentingan.


Sehingga dalam kajian Selsky dan Parker (2005), menjelaskan bahawa kehadiran organisasi sebagai jambatan dapat membantu untuk mengelola hubungan lintas sector ini, kerana tuntutan peserta dan perbezaan kepentingan dapat menimbulkan ketegangan. Negosiasi hak dan tanggung jawab serta komunikasi yang jelas diharapkan mampu mengelola dan mengungkapkan ketegangan dan kontradiksi untuk menuju kepentingan bersama.

Forum CSR adalah organisasi yang diharapkan sebagai Jambatan yang dapat bernegosiasi secara bilateral dengan para pemangku kepentingan kunci atau berfungsi sebagai link antara mereka (Westley dan Vredenburg, 1991).

5. Kolaborasi Peran dalam Perkongsian Trisektor

Kolaborasi adalah strategi yang digunakan proses perubahan sosial dan kolaborasi merupakan titik tengah kontinum anantara kerjasama dan perkongsian (Fiszbein dan Lowden, 1999). Adapun definisi kolaborasi menurut Chrislip dan Larson (1994:5) adalah hubungan yang saling menguntungkan antara dua pihak atau lebih untuk mencapai tanggung jawab bersama dengan berbagai tanggung jawab, otoritas dan akuntabilitas untuk mencapai hasil.

Hal ini lebih dari sekedar komunikasi dan sebuah hubungan dalam mencapai tujuannya. Namun juga untuk menciptakan visi bersama dan strategi bersama untuk menyelesaikan kekhawatiran dari isu-isu yang melampaui lingkup pihak tertentu. Dalam pandangan yang sama Fiszbein dan Lowden (1999) menegaskan bahawa kolaborasi menunjukkan kerjasama orang-orang terbaik bertukar informasi dan bertindak bersama melalui sebuah kemitraan yang bersifat saling bergantung antara hubungan para pelaku dibawah sebuah kontrak *principle agent*.



Perkongsian Tri Sektor, Sumber :Kartini (2009)

Menurut Kartini (2009), ketiga unsur tiga sektor *stakeholder* yang terdiri atas syarikat, kerajaan dan masyarakat iaitu masyarakat sipil atau berbagai macam kelompok lembaga swadaya masyarakat atau pertubuhan bukan kerajaan (*Non Governmental Organization/Non Profit Organization*) yang terbuka dan saling memberikan nilai tambah sehingga strategi kolaborasi perkongsian ini dibawa ke tataran teknikal akan menghasilkan ciptaan CSR yang *komprehensif* serta berfungsi di semua kalangan.

Jika dikaitkan dengan CSR, maka kerajaan dan syarikat merupakan *stakeholder* kunci. Sebagaimana diungkapkan Utama (2010), bahawa kerajaan beserta segenap jajarannya perlu memahami konteks CSR dan pembangunan lestari, kerana ada keterpaduan dengan program kerajaan. Pemahaman terhadap konsep ini tidak sejajar, maka dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan tidak akan pernah selaras dengan dasar syarikat.

Salah satu klasifikasi yang paling berguna dari peranan kerajaan dibangunkan oleh Fox et al. (2002), di mana mereka menyajikan peranan yang berbeza yang boleh diterima pakai oleh kerajaan ialah sebagai mandat (perundangan), memudahkan (pedoman kandungan, mekanisme fiskal dan pembiayaan, mewujudkan keadaan rangka kerja), bekerjasama (penglibatan dengan proses multi-stakeholder, merangsang dialog) dan menyokong (alat dan publisiti).

Sebahagian besar analisis peranan strategik untuk dimainkan oleh fokus kerajaan pada aspek kolaborasi berpusat pada peranannya sebagai pengantara, fasilitator dan rakan kongsi.

Kajian berikut bertajuk *Local - Level Stakeholder Collaboration : A Substantive Theory of Community-Driven Development* di Jamaica oleh Glen A. Bowen. Kajian ini menitik beratkan pada masalah kerjasama di antara para pemangku kepentingan sebagai cara yang berkesan untuk mengatasi masalah - masalah sosial di Jamaica. Kajian ini menitik beratkan pada penglibatan pihak stakeholder yang merupakan pihak utama dari pembangunan yang memberi tumpuan pada kolaborasi. Hipotesis utama tertanam dalam pemangku kepentingan ini bahawa semakin besar kolaborasi, semakin besar produktiviti sumber dan lebih menguntungkan keadaan untuk pembangunan berasaskan masyarakat.

Dalam tulisan ini membincangkan erti *stakeholder* iaitu semua orang yang mempunyai minat dalam projek tersebut, baik sebagai penerima manfaat langsung atau sebagai orang-orang yang bertanggung jawab untuk pembiayaan dan pelaksanaan projek. Dalam projek dana sosial, pihak berkepentingan iaitu termasuk lembaga pembiayaan, sponsor tempatan, dan penerima adalah masyarakat luas.

Melalui pendekatan kualitatif dengan cara *purposive sampling*, pada lapan projek di lapan komuniti yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan bahawa proses kolaborasi pembangunan yang tertumpu di antara pelbagai pihak *stakeholder*. Proses ini meliputi empat tahap: (1) mengenalpasti masalah dan keutamaan, (2) memotivasi dan menggerakkan, (3) bekerja sama dan (4) mewujudkan persekitaran yang kondusif. itu mendasari teori penglibatan *stakeholder* berpendapat bahawa kolaborasi meningkatkan produktiviti sumber dan mewujudkan keadaan untuk pembangunan berasaskan masyarakat.

Adapun Brunner et.al (1992) memberikan garis panduan untuk perancangan kerjasama yang berkesan iaitu melibatkan pemain yang signifikan, mempunyai strategi yang realistik, membina visi bersama, membina pemilikan semua peringkat dan dimulakan perubahan.

Selanjutnya (Steger et al., 2009) 1995) menjelaskan faktor penting dalam proses kolaborasi ialah tujuan, komunikasi, kepimpinan, penyertaan warga negara, pembangunan masyarakat dan berterusan. Ertinya bahawa kolaborasi ditandai dengan sistem komunikasi yang berterusan, dan komunikasi harus tetap terbuka dan jelas.

Selari dengan kajian yang dilakukan Steger et al. (2009) melihat bahawa dalam sesebuah perkongsian mempunyai pelbagai tujuan. Ia adalah jelas bahawa apa-apa jenis perkongsian atau kerjasama bermula dengan penglibatan dan dialog dan komunikasi yang mampan di sekitar kepentingan bersama.

Kesemua daripada mereka menggabungkan kedua elemen dengan jelas melalui *capacitybuilding*. Walaupun tahap kesedaran dalaman telah sedia ada seterusnya syarikat-syarikat mengambil langkah logik menyampaikan penyelesaian dari setiap permasalahan ke arah pendirian sokongan. Dialog dan pembinaan keupayaan boleh dianggap penyokong pelbagai aktiviti sebagai amalan terbaik daripada perkongsian. (FAO, 2004).

6. Fenomena Forum CSR di Indonesia

Indonesia yang terdiri dari provinsi dan kabupaten telah berjaya membentuk beberapa Forum CSR Daerah seperti Forum CSR Daerah Jawa Barat, Forum CSR Daerah Jawa Timur, Forum CSR Daerah Jawa Tengah, Forum CSR Riau, Forum CSR Balikpapan, Forum CSR Bekasi, dan Forum CSR Daerah Makasar.

CSR di daerah terus menunjukkan perkembangan yang sangat ketara. Mulai dari inovasi program, usaha kerjasama hingga pembuatan peraturan dan dasar yang diwujudkan dengan adanya produk hukum baik itu Peraturan Walikota (Perwal) maupun Peraturan daerah (Perda) CSR.

Namun demikian, disharmonisasi dalam pelaksanaan program CSR berkaitan dengan jenis kuasa yang dimiliki oleh kerajaan wilayah dan daerah atau bandar masih berlaku (Sukada et al., 2007). Timbulnya keadaan disharmonisasi ini disebabkan oleh belum adanya penataan tugas dan tanggungjawab masing - masing tahap pemerintahan dalam pengurusan program CSR (Firdaus, 2011).

Sementara itu, pihak yang kontra dengan dibentuknya forum CSR Daerah berpendapat, CSR tidak perlu ada campur tangan kerajaan, kerana setakat ini sudah ada peraturan yang mengatur CSR di Indonesia dan ISO 26000 sebagai panduan CSR yang telah disepakati secara global (Rusdianto, 2013). Sehingga penyelidik merasa perlu untuk melakukan kajian terhadap pemahaman syarikat dan kerajaan dalam Forum CSR melalui kajian komunikasi penyertaan.

7. Komunikasi Penyertaan Untuk Pembangunan Lestari Dalam Perkongsian Trisektor

Komunikasi penyertaan ialah istilah yang menunjukkan teori dan amalan komunikasi yang digunakan untuk melibatkan orang dalam pengambilan keputusan dari proses pembangunan. Hal ini bermaksud untuk kembali ke akar makna, yang sama dengan istilah komunikasi, berasal daripada kata latin *communis*, iaitu umum (Mody, 1991). Oleh sebab itu, tujuan komunikasi harus membuat sesuatu yang umum, atau untuk berkongsi. Hal ini membayangkan perkongsian makna, persepsi, pandangan dunia atau pengetahuan.

Selanjutnya Bessette (2004) mendefinisikan komunikasi penyertaan sebagai aktiviti terancang, berdasarkan satu tangan ke atas proses penyertaan, dan dari sisi lain pada media dan komunikasi interpersonal, yang memudahkan dialog antara pihak-berkepentingan yang berbeza, di sekitar masalah pembangunan bersama atau matlamat, dengan objektif untuk membangunkan dan melaksanakan satu set aktiviti untuk menyumbang kepada penyelesaian, atau kesedaran, dan yang menyokong dan mengiringi inisiatif ini.

Adapun menurut Nair dan White (2004) komunikasi penyertaan sebagai dialog terbuka, sumber dan penerima yang berinteraksi secara berterusan, memikirkan secara konstruktif situasi, mengenal pasti keperluan dan masalah pembangunan untuk meningkatkan keadaan dan bertindak atas situasi tersebut.

Untuk membangunkan komitmen dan kerjasama yang padu dan harmoni dalam sebuah perkongsian antara pemerintah, perusahaan dan masyarakat, berdasarkan kajian oleh Martin (1997) terhadap perkongsian tiga sektor di Inggris yang menekankan pentingnya komunikasi yang jelas dalam pengembangan perkongsian. Sebuah bahasa, norma dan nilai diperlukan untuk menghadirkan isu-isu daripada kerajaan (Westley dan Vredenburg, 1991) dan kepercayaan dikutip sebagai penyumbang penting untuk kegiatan perkongsian (Wadell, 2000).

Adapun kajian kajian di luar Negara mengenai perkongsian tiga sector antara kerajaan , syarikat dan masyarakat menurut Sinclair, ML (2011) dan (Rotter, 2014) menegaskan bahawa berkongsi maklumat, terbuka dan komunikasi yang digabungkan dengan komitmen berterusan mengambil tanggung jawab dan penyelesaian masalah ialah isu kunci dalam dialog para pemegang taruh juga kajian-kajian perkongsian sosial berkaitan dengan Pembangunan CSR di India (Sharma dan Tyagi, 2010), Khazakstan (Baisakalova, 2012) dan yang diperkukuhkan oleh Forum CSR di Eropah (2005) yang mencadangkan bahawa komunikasi dan dialog berketerusan menyumbang kepada kejayaan perkongsian tiga sektor pemegang taruh. Kajian tersebut perlu mengetahui sama ada usaha yang dijalankan itu memenuhi kehendak seluruh pemegang taruh untuk membina saling percaya dan pengertian.

Bagi komunikasi penyertaan yang dijalankan oleh perkongsian tiga sektor melalui Forum CSR Daerah, tulisan ini akan menggunakan model komunikasi konvergensi. Mengikuti pendapat Roger M Everret dan Kincaid (1981), dalam model komunikasi konvergensi menjelaskan bahawa pemprosesan maklumat pada peringkat individu meliputi tindakan mempersepsikan (*perceiving*), menginterpretasikan (*interpreting*),

